

**KENYATAAN AKHBAR
STATUS KEPUTUSAN RAYUAN
PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA BAGI PROGRAM PENGAJIAN
LEPASAN SPM/SETARAF DAN LEPASAN STPM/SETARAF
SESI AKADEMIK 2009/2010**

1. Sukacita dimaklumkan bahawa status keputusan rayuan permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2009/2010 boleh disemak mulai **10 Julai 2009 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari** melalui laman Web Rasmi Kemasukan ke IPTA <http://upu.mohe.gov.my> atau saluran hebahan lain seperti di **Lampiran 1**.
2. Calon boleh mencetak surat tawaran melalui Laman Web IPTA seperti dalam **Lampiran 2**. Calon dinasihatkan membawa bersama surat tawaran yang dicetak **sebagai dokumen rujukan bagi tujuan pendaftaran di IPTA berkaitan**. Tarikh pendaftaran adalah seperti yang ditetapkan oleh IPTA berkaitan. Surat tawaran rasmi akan dibekalkan semasa pendaftaran di IPTA berkaitan.
3. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak pernah melantik sesiapa sebagai agen atau wakil dalam pengurusan pemilihan kes rayuan calon gagal mendapat tempat ke IPTA. Semua pengurusan pengambilan adalah diselaraskan melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi (BPKP JPT) dengan mengguna pakai dasar, kriteria pemilihan serta prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian.
4. Keputusan rayuan adalah muktamad. Jika tiada sebarang tawaran diterima dari IPTA sehingga **31 Julai 2009**, maka rayuan dianggap gagal.

5. Kemudahan “*Hotline*” dan “*Helpline*” disediakan untuk membantu menjawab pertanyaan dan kemusykilan calon. Calon boleh menghubungi Talian Telefon: **03-88835858** dan **03-88835848** untuk semakan dan bantuan.

**Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

9 Julai 2009

LAMPIRAN 1

SALURAN HEBAHAN STATUS KEPUTUSAN RAYUAN KEMASUKAN KE IPTA SESI AKADEMIK 2009/2010

| | | |
|---|---|---|
| 1 | INTERNET | http://jpt.uum.edu.my http://www.jpt.utm.my http://upu.mohe.gov.my |
| 2 | HOTLINE (10 Talian) | 03-8883 5858 |
| 3 | HELPLINE | 03-8883 5848 |
| 4 | SISTEM PESANAN RINGKAS(SMS) (SHORT MESSAGING SERVICE) <ul style="list-style-type: none">• UNTUK SEMUA TALIAN TELEFON BIMBIT | Sila taip: UPU RESULT [No. KP] dan SMS ke: 15888 |

LAMPIRAN 2

**SENARAI URL LAMAN-WEB IPTA
UNTUK CETAKAN SURAT TAWARAN PERMOHONAN
KEMASUKAN KE IPTA PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN
SPM/SETARAF DAN STPM/SETARAF (IJAZAH PERTAMA)
SESI AKADEMIK 2009/2010**

| BIL | IPTA | URL LAMAN WEB IPTA |
|------------|-------------|---|
| 1 | UM | http://www.um.edu.my/kemasukan |
| 2 | UKM | http://www.ukm.my/tawaran |
| 3 | UPM | http://www.esmp.upm.edu.my/tawaran |
| 4 | UTM | http://intake.utm.my/semakan/ |
| 5 | UIAM | http://www.iiu.edu.my/kemasukan/tawaran.html |
| 6 | UUM | http://www.uum.edu.my/kemasukan/tawaran |
| 7 | UNIMAS | http://www.unimas.my/kemasukan/tawaran |
| 8 | UMS | http://www.ums.edu.my/kemasukan |
| 9 | UPSI | http://www.upsi.edu.my/tawaran |
| 10 | UiTM | http://istudent.uitm.edu.my/intake |
| 11 | UMT | http://www.umt.edu.my/tawaran.php |
| 12 | UTHM | http://webapp.uthm.edu.my/tawaran |
| 13 | USIM | http://www.usim.edu.my/kemasukan/tawaran |
| 14 | UTeM | http://www.utem.edu.my/kemasukan/tawaran |
| 15 | UMP | http://www.ump.edu.my/tawaran |
| 16 | UniMAP | http://www.unimap.edu.my/tawaran |
| 17 | UDM | http://www.udm.edu.my/tawaran |
| 18 | UMK | http://www.umk.edu.my/kemasukan/tawaran |

Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
9 Julai 2009